

'Lebih berkualiti, agresif, menonjol'

Badan penyelidik sifatkan corak pemerintahan Anwar lain daripada lain

SHAH ALAM

Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bermula pada 24 November lalu, dianggap lebih berkualiti, agresif dan menonjol daripada pentadbiran sebelumnya.

Pengarah Eksekutif Ilham Centre, Hisommudin Bakar berkata, ia kerana setiap tindakan atau keputusan yang dibuat oleh Anwar dan anggota kabinetnya hanya bertujuan membantu rakyat tanpa kepentingan politik.

"Bagi saya, prestasi Anwar kini dikatakan menonjol berbanding perdana menteri sebelumnya. Dalam tempoh ini (sebulan pentadbiran), dia lebih ke depan dalam aspek turun padang dan membuat kenyataan yang bagi saya lebih kepada meredakan rakyat.

"Antaranya, dalam keadaan banjir ini, dia turun bawah sendiri ke Kelantan dan huluskan bantuan kepada negeri yang dilanda banjir. Beliau (Anwar) masih lagi di landasan yang betul," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Jelas Hisommudin, selain tindakan yang mengutamakan rakyat, turut mendapat perhatian adalah pemakaian yang kurang formal ditampilkan oleh Anwar.

"Beliau menyetengahkan pakaian yang tidak formal. Waima, sampai ke Parlimen pun dibincangkan kerana beliau tidak memakai tali leher. Ini beri gambaran kepimpinan beliau kurang formaliti atau elemen rasmi dalam urusan kerajaan," jelasnya.

Beliau berkata, meskipun terlalu awal untuk menilai kepimpinan Ahli Parlimen



Anwar ketika membentangkan peruntukan khas (Bajet Mini) sempena Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-15 Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada 20 Disember lalu.

Tambun tersebut, namun secara umumnya telah meredakan suhu politik yang tegang sewaktu Parlimen tertangung selepas pilihan raya umum (PRU).

"Beliau (Anwar) telah membuat pendekatan mengadakan memorandum persefahaman (MoU) bersama parti dalam Kerajaan Perpaduan. Ini penting bagi memastikan kerajaan stabil.

"Selain itu, beliau juga berani lakukan undi percaya dan meluluskan perbelanjaan Bajet Mini. Saya melihat ini semua adalah tindakan proaktif dan berani oleh Perdana Menteri," katanya.

Ditanya mengenai kesan kepada rakyat, Hisommudin berkata, keputusan dan tindakan Anwar sememangnya memberi impak positif serta berharap agar ia dapat diteruskan dengan lebih diperhebat.

"Harapnya tidak ada sebarang elemen yang mengganggu beliau untuk memacu dan memimpin negara. Kalau semua parti dalam Kerajaan Perpaduan fokus dengan hala tuju yang dibawa, jadi semua dalam keadaan baik.

"Kita tahu kerajaan sekarang adalah yang diusulkan oleh Yang di-Pertuan

Agong selepas tiada majoriti. Ini kerajaan campuran pelbagai parti. Harapnya tiada konflik dalaman antara mereka agar tidak mengganggu misi utama iaitu membantu rakyat," katanya.

Jelas beliau, selain meringankan kos sara hidup, Anwar tiada pilihan selain memikul beban untuk memulihkan ekonomi negara dan beban yang bakal ditanggung rakyat menjelang 2023.

"Tidak boleh menoleh ke belakang lagi dan tiada pilihan lain melainkan mengenalkan polisi dan meyakinkan pelabur. Kena yakinkan negara luar untuk pulihkan ekonomi bagi meletakkan Malaysia di landasan yang tepat," katanya.

Beliau amat berharap kerajaan pimpinan Anwar dapat mengekalkan momentum seterusnya membawa Malaysia keluar dari belenggu kesuraman ekonomi.

"Kena ada inisiatif baharu oleh Perdana Menteri dan pasukan untuk bawa negara keluar daripada kesuraman ekonomi dan bebas unjuran ke-melesetan ekonomi yang bakal melanda seterusnya bangkit semula sebagai negara yang kuat," ujarnya.